

PETIKAN UMUM

PRAKTIS 1

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Bangunan Sultan Abdul Samad merupakan satu daripada mercu tanda bagi bandar raya Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia. Bangunan ini terletak di hadapan Dataran Merdeka. Bangunan ini dinamakan bersempena dengan nama Sultan Selangor pada ketika itu, iaitu Sultan Abdul Samad. Bangunan ini mula dibina pada tahun 1893 tetapi peletakan batu asas bagi bangunan ini hanya dibuat pada 6 Oktober 1894 oleh Gabenor Negeri-negeri Selat, iaitu Sir Charles B.H. Mitchell. Bangunan ini siap sepenuhnya pada tahun 1897.

Pelan Bangunan Sultan Abdul Samad direka bentuk oleh arkitek British yang bernama A.C. Norman dan dibantu oleh seorang jurutera, iaitu C. E. Spooner. Reka bentuk Bangunan Sultan Abdul Samad sangat unik dan merupakan antara bangunan yang *amat tersohor* pada ketika itu. Bangunan ini mempunyai dua tingkat setinggi 57 kaki yang berbentuk ladang. Di tengah-tengah bangunan ini terdapat satu dataran tinggi yang berbentuk segi empat. Selain itu, terdapat tiga buah kubah, satu menara jam besar, dan sebuah arked. Bangunan ini juga mempunyai satu serambi besar tertutup yang merupakan elemen penting dalam reka bentuknya.

Sebelum merdeka, Bangunan Sultan Abdul Samad merupakan Pusat Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Pejabat Residen-Jeneral, dan Pejabat Besar Pos. Selepas kemerdekaan, bangunan ini dijadikan sebagai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Mesyuarat Negeri, dan Perbendaharaan Kerajaan. Bangunan Sultan Abdul Samad ini juga menempatkan Mahkamah Agung Malaysia dan sebahagian daripada Mahkamah-Mahkamah Tinggi Malaya, dan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada tahun 1978.

Sumber: Internet

Bahan 2

Istana Lama Seri Menanti merupakan antara bangunan bersejarah yang popular di negara kita. Istana ini terletak di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Istana ini menjadi kediaman rasmi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan sekitar tahun 1900. Kini, istana ini berubah peranannya menjadi muzium.

Istana Lama Seri Menanti dibina pada tahun 1902 dan siap pada tahun 1908. Istana ini dibina kerana Istana Pulih telah dibakar oleh askar-askar Inggeris sewaktu perang Bukit Putus. Istiadat perasmian istana ini telah dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Muhammad Ibni Almarhum Yamtuan Antah. Baginda telah bersemayam di istana ini sehingga tahun 1931. Selepas itu, baginda berpindah pula ke istana baharu yang dibina berhampiran dengan istana lama.

Reka bentuk Istana Lama Seri Menanti unik sekali. Istana yang dibuat daripada kayu ini mempunyai empat tingkat. Istana ini mempunyai 99 batang tiang termasuk empat batang tiang seri yang panjangnya 67 kaki. Istana ini tidak menggunakan sebarang paku besi tetapi pakunya dibuat daripada kayu yang dipanggil pasak. Pasak kayu keras digunakan untuk menyambungkan papan. Di tengah-tengah bangunan istana didirikan menara yang dinamakan "Tingkat Gunung". Bumbung istana ini berbentuk tanduk kerbau.

Dipetik dan diubah suai daripada en.m.wikipedia.org/wiki/Istana_Seri_Menanti

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *amat tersohor*.

[2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, mengapakah reka bentuk Bangunan Sultan Abdul Samad dan Istana Lama Seri Menanti dikatakan unik?

[3 markah]

(iii) Malaysia merupakan sebuah negara yang pesat membangun, namun di celah-celah arus pembangunan ini terdapat bangunan bersejarah yang masih indah dan kukuh.

Pada pendapat anda, apakah caburan-cabaran dalam memelihara bangunan bersejarah di negara kita? **KBAT**

[3 markah]

(iv) Kumpulan anda ditugaskan oleh guru mata pelajaran Sejarah untuk membuat buku skrap tentang bangunan-bangunan bersejarah yang terdapat di Malaysia. Namun, tugas tersebut gagal diselesaikan.

Sekiranya anda diberi peluang kedua untuk menyiapkan tugas yang sama dalam masa yang ditetapkan, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan tugas tersebut dapat disiapkan? **KBAT**

[4 markah]
